

01 JAN 2001

Mahathir-Melayu (Bergambar)

AZAM UMNO UNTUK 2001 IALAH SATUKAN ORANG MELAYU

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Azam Umno bagi tahun ini ialah memberi tumpuan kepada menyatukan orang Melayu dan anggota-anggota parti di semua peringkat, kata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata Umno juga akan memperkukuhkan perpaduan yang telah sedia terjalin dengan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri mengingatkan orang Melayu bahawa usaha menyatukan mereka adalah untuk menjaga kepentingan mereka dan bukan bagi tujuan bermusuh dengan orang lain.

"Kita kena ingat kita tidak perlu bersatu untuk semata-mata menentang orang lain. Ia cuma perlu untuk menjaga kepentingan kita," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) sempena sambutan tahun baru di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kesediaan Umno untuk berbincang dengan PAS dan Keadilan bagi menyatukan orang Melayu.

Pelbagai pihak termasuk PAS dan Keadilan telah memberi reaksi yang positif terhadap usaha Umno itu.

Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dilaporkan berkata hari ini bahawa beliau mengalu-alukan kesediaan Umno untuk memulakan dengan secepat mungkin usaha mengajak parti-parti pembangkang Melayu duduk semeja membincangkan soal penyatuan semula orang Melayu.

Perdana Menteri berkata hanya kerana segelintir orang Melayu telah berjaya, ia tidak bermakna bahawa mereka sudah kuat.

"Orang Melayu tidak sedar tentang kelemahan mereka," katanya.

Mengenai azam beliau sendiri sempena tahun baru ini, Dr Mahathir berkata beliau berharap rakyat Malaysia akan terus memelihara keharmonian kaum di tengah-tengah tuntutan sensitif yang dibangkitkan oleh kumpulan tertentu.

Walaupun Perdana Menteri tidak merujuk kepada mana-mana kumpulan, Jawatankuasa Rayuan Pilihan raya Pertubuhan Cina Malaysia (Suqiu) telah dikecam kerana membuat tuntutan-tuntutan yang sensitif.

"Dan kini dari sebuah masyarakat yang amat harmoni kita menjadi masyarakat yang suka berbalah. Jadi saya berharap pada tahun 2001 rakyat akan kembali sedar dan memulihkan semula keharmonian kaum yang telah dicapai selepas sekian lama berusaha," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia telah mencapai satu tahap keharmonian kaum yang dicemburui oleh seluruh dunia.

Beliau turut ditanya mengenai pencerobohan laman web rasmi milik Parlimen dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Perdana Menteri berkata ia mungkin perbuatan mereka yang cuba menapis pendapat sebelah lagi pihak.

"Dari satu segi mereka (penceroboh ini) cuba menapiw berita orang lain," katanya.

Beliau berkata penceroboh atau sekumpulan penceroboh itu, yang telah menggelar diri mereka "Topeira", menggunakan pengetahuan mereka untuk menentang "prinsip yang mereka sendiri sepatutnya perjuangkan."

"Mereka membantah kerajaan mengawal akhbar dan lain-lain, mereka menuduh kerajaan mengawal akhbar tetapi mereka sendiri yang mengawal akhbar," katanya.

Ditanya mengenai usaha untuk menjadikan laman web kerajaan lebih selamat daripada penceroboh, Dr Mahathir berkata kerajaan hanya boleh mencuba tetapi akan tetap ada keraguan mengenai keselamatannya.

Ini kerana mereka yang berkemahiran tinggi dalam bidang ini boleh sentiasa cuba memecahkan kod atau sistem yang digunakan, katanya.

"Kita akan cuba menjaga keselamatannya," kata Perdana Menteri sambil menegaskan bahawa para penceroboh itu telah menggunakan kemahiran dan kepandaian mereka ke arah yang salah.

Antara mereka yang menghadiri rumah terbuka PPP itu ialah isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

-- BERNAMA

MHI ES RON